Keu told a press conference yesterday that it had been a tough time for hawkers.

Taking into account the cost of commercially priced LPG, he said a bowl of noodles could go up by more than RM1.

He claimed that enforcement officers carrying out Ops Gasak had taken action against a place in Setia Alam, Selangor, although the ministry had previously explained that the inspections of food and beverage outlets are conducted as an "advocacy" move.

"It is stressful to hear about seizures being made," he said, adding that there should be clarity

Chung, who was present at the press conference yesterday, said he had sought clarification on the matter from the Selangor office of the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

He also proposed the ministry consult stakeholders like food courts, restaurants and coffeeshop operators, as well as MPs, before implementing such measures.

## Four admit to pilfering subsidised gas in Seremban

**SEREMBAN:** Four men, including a Myanmar national, have pleaded guilty in the Sessions Court here to misappropriating 1,200kg of subsidised liquefied petroleum gas last month.

Lee Kin Choong, 57; Lim Chun Wee, 38; Tang Kai Lin, 28; and 31-year old Mar Thang, a Myanmar national, made the plea before judge Mohamad Kamil Nizam.

They were jointly charged with committing the offence with another person, Phaway Ai, 23, also a Myanmar national, but the charge was not read out to him because an interpreter was required.

They were jointly charged with possessing a scheduled controlled substance, namely liquefied petroleum gas, amounting to 1,200kg, in circumstances giving rise to reasonable suspicion under Regulation 3(1) of the Control of Supplies Regulations 1974 at about 6.45pm at a premise in Jalan Mantin here on May 30.

The charge provides a maximum fine of RM1mil or an imprisonment for up to three years upon conviction.

Mohamad Kamil set bail at RM6,000 with one surety for the three local men while bail for Mar Thang was set at RM8,000 with one surety, Bernama reported.

They were also ordered to sur-

THE STAR

Tarikh: 04 JUN 2025.....

# Cool ideas for hotter days

M'sians get creative in handling the heat and staying well

## Staying hydrated:

Workers drinking water at a site in Gombak, Selangor. With the hot season, they need to drink more.  
— AZMAN GHANI/The Star



By TEH ATHIRA YUSOF  
tehathirayusof@thestar.com.my

Star  
4/16

**PETALING JAYA:** With hotter days ahead, Malaysians are getting creative in handling the rising temperature.

While some are ducking into malls or air-conditioned areas and others are slowing down on their road trips, one delivery rider has found a new vocation – selling air-conditioners.

Adam, 33, said he had been receiving inquiries from potential customers wanting to buy air-conditioners.

"So far, I am able to focus more on selling air-conditioners because there have been more people interested in installing them.

"People want air-conditioners that are also friendly on the electricity bill, so typically I offer the types of air-conditioners and their horsepower capabilities based on the size of their homes," he added.

Fellow delivery rider, Iqbal Ishak, 28, is taking shelter at local mosques or malls to avoid being exposed outdoors for too long or risking heat stroke.

"It has been scorching hot lately, so the usual places I wait for orders – like near stalls or parking lots – are not suitable.

"Nowadays, I go to the mosque or surau, which are air-conditioned during or between prayer times.

"During peak hours, I wait in malls or shops that have high order volumes. The restaurants give us water to stay hydrated when delivering orders," he said.

While Iqbal has no intention of slowing down despite the heat, another delivery rider based in Subang, Harris M, 23, said he may take fewer orders now.

"This is a part-time job for me as I am a student. It is harder to find shade during peak hours such as lunchtime, and we have to wear proper attire when delivering orders and that's when the day is hottest.

"Right now, I just need to ensure I do not get heat stroke," he said, adding that he also brings a bottle of water and essential supplements on his rounds.

On Monday, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) issued a statement indicating that six areas in Peninsular Malaysia are now at Level 1 (alert) for three consecutive days due to ongoing hot weather.

The affected areas include Larut and Matang, Kuala Kangsar and Perak Tengah in Perak, Machang and Kuala Krai in Kelantan, and Bandar Baharu in Kedah.

Checks on the MetMalaysia website also showed that the Klang Valley would either experience no rain in the next few days or get isolated rain or thunderstorms in certain parts.

While air-conditioners are hot items now, Sirim Bhd's president and group chief executive officer Datuk Indera Dr Ahmad Sabirin Arshad has issued a reminder for people to use them cautiously.

In a Facebook posting, he explained that constant exposure to cold air can strip moisture from the skin and respiratory tract, and speed up the evaporation of sweat even when the body is at rest.

"During warmer days, people tend to sleep with the air-conditioner on. Some even sleep with both the fan and air-conditioner running throughout the night.

"However, this can lead to dehydration without one realising it.

"We may wake up feeling tired, dizzy, with a dry mouth or a headache – all of which are early signs of dehydration. If left unchecked, dehydration can impair kidney function, reduce concentration and weaken the immune system.

"It is important to ensure that the bedroom temperature is not too low, make it a habit to drink enough water before bed and consider using a humidifier to maintain moisture in the air," he wrote.

## Steps we can take when facing extreme heat

Get ready with remedies that do not have to cost a lot.



The Star graphics

THE STAR

04 JUN 2025

Tarikh:.....

Pembangunan di kawasan cerun itu boleh datangkan risiko tanah runtuh

SH 4/6  
(MBPJ)

# Bantah projek bina pangsapuri di cerun curam

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY  
PETALING JAYA

Lebih 100 pemilik kediaman Empire Residence, Damansara Perdana di sini membantah keras cadangan pembangunan tiga blok pangsapuri setinggi 21 tingkat melibatkan 979 unit yang dirancang dibina di atas cerun kelas IV.

Ini kerana dakwa mereka kawasan berkenaan adalah kawasan yang dikategorikan sebagai sangat berisiko tinggi untuk pembangunan.

Projek mega itu dicadangkan oleh syarikat pemaju melibatkan pembinaan kediaman bertingkat di atas cerun yang terletak hanya beberapa meter dari kediaman sedia ada Empire Residence, khususnya Parcel 5 dan 8.

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB) Empire Residence, lokasi pembangunan berada di atas cerun kelas IV, kategori cerun paling curam dan tidak stabil.

Justeru, mereka mempersoalkan bagaimana projek sebesar itu boleh dicadangkan di kawasan yang sebelum ini pernah ditolak pembangunannya oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 2020 atas faktor



Sekumpulan penduduk Empire Residence berkumpul di luar bangunan Ibu Pejabat MBPJ selepas sesi taklimat pemaju.

keselamatan.

"Kami buat bantahan sejak 2020 lagi. Cerun ini terlalu curam dan pembangunan di atasnya boleh mendatangkan risiko tanah runtuh yang mengancam nyawa dan harta benda," tegas wakil JMB, Simon Ng.

Dalam masa sama, penduduk turut menyuarakan kebimbangan terhadap peningkatan kesesakan lalu lintas jika projek diteruskan.

Dengan anggaran purata lima penghuni bagi setiap unit, pembangunan itu dijangka membawa masuk lebih 3,000 penduduk tambahan dan menambah tekanan kepada sistem trafik Damansara Perdana yang sudah sedia padat.

"Bayangkan ratusan kenderaan keluar masuk setiap hari di jalan sempit yang dikongsi dengan kami. Ini bukan sahaja mengganggu ketenteraman, malah boleh men-

jejaskan nilai hartanah kami secara langsung," kata penduduk, Mohamed Hakeem Haron.

Terdahulu, sesi taklimat diadakan di Ibu Pejabat MBPJ bagi membentangkan permohonan pindaan pelan guna tanah oleh pemaju.

Penduduk yang hadir memberikan reaksi tegas dan lantang membantah sebarang kelulusan bagi pelan tersebut.

SINAR HARIAN

Tarikh: 04 JUN 2025

# Platform lahirkan bakat TVET bertaraf dunia

Malaysia bangunkan hab pensijilan dan kecemerlangan TVET ASEAN

LONDON

8h 4/6

**M**alaysia menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan rakan industri antarabangsa, termasuk dari United Kingdom (UK) untuk membangunkan hab pensijilan dan kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diiktiraf pada peringkat serantau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan Malaysia bukan sahaja sebagai negara yang melahirkan tenaga mahir, tetapi juga sebagai pusat rujukan latihan dan pensijilan TVET yang berwibawa bagi rantau ASEAN.

"Bagi memenuhi kehendak pasaran untuk ASEAN, kita ada Majlis TVET ASEAN dan akan aktifkan bukan sekadar pengiktirafan, tetapi juga kita mahu menggamit pelajar dari negara rantau itu untuk belajar di institusi TVET di Malaysia tanpa mengurangkan peluang untuk pelajar kita belajar di institusi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan umum ber-



Ahmad Zahid (kiri) ketika menyampaikan ucapan umum berkaitan TVET di UCL pada Isnin.

kaitan TVET di University College London (UCL) di sini pada Isnin.

Ahmad Zahid berkata, bagi tujuan berkenaan, beliau telah mengadakan perbincangan dengan beberapa menteri negara ASEAN yang bertanggungjawab dalam bidang guna tenaga dan pekerjaan bagi kerjasama serantau dalam pembangunan TVET.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara dalam ucapannya berkata, Malaysia bersedia menjadi platform global dalam melahirkan bakat TVET bertaraf dunia dan untuk pasaran industri.

"Kita sedia memimpin, tetapi kita sedar kita tidak boleh melakukannya bersendirian. Kita akan mencapainya melalui kerjasama erat dengan ASEAN, rakan global serta warga Malaysia di luar nega-

ra yang berkongsi visi membina generasi yang mahir, berdaya saing dan bersedia menghadapi masa depan," katanya.

Beliau turut berkongsi pada tahun lepas, kemasukan pelajar ke institusi TVET melonjak kepada 436,285 orang dengan 53.5 peratus pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih TVET.

Jumlah itu katanya, menggambarkan satu petanda positif perubahan persepsi rakyat terhadap TVET, yang kini tidak lagi dianggap sebagai pilihan kedua.

Ahmad Zahid berkata, Malaysia akan menjadi tuan rumah Dialog Dasar Serantau Majlis TVET ASEAN ke-4 yang bertemakan 'TVET untuk Kemajuan Luar Bandar dan Serantau' pada bulan ini bersempena Hari TVET Kebangsaan 2025. - Bernama

SINAR HARIAN

04 JUN 2025

Tarikh: .....

## Siasatan teknikal kebakaran paip gas Putra Heights siap 26 Jun

**SHAH ALAM** - Siasatan teknikal berhubung insiden letupan dan kebakaran saluran gas di Putra Heights Subang Jaya dijangka dapat dilengkapkan pada 26 Jun ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, siasatan teknikal yang diketuai oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sedang berjalan seperti yang telah ditetapkan.

Menurut beliau, kajian itu akan meneliti pelbagai faktor termasuk keutuhan

paip, pergerakan tanah dan kemungkinan aktiviti luar yang memberi tekanan kepada sistem bawah tanah.

"Buat masa ini, kita belum dapat mengeluarkan dapatan bagi siasatan jenayah kerana ia perlu digabungkan dengan siasatan teknikal yang sedang berlangsung.

"Masih ada ruang-ruang yang perlu dikenal pasti terutamanya dari sudut teknikal," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan E-Bike di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK)

Selangor di sini pada Selasa.

Amirudin memberitahu, siasatan teknikal itu turut melibatkan elemen-elemen luar jangka yang berpotensi memberi impak kepada keselamatan awam.

"Kita mahu siasatan ini lengkap dan menyeluruh dijalankan. Jangan ada ruang tertinggal kerana keselamatan penduduk adalah keutamaan," tegas beliau.

Media sebelum ini melaporkan polis sudah selesai melengkapkan siasatan berhubung insiden letupan paip gas di Putra Heights termasuk siasatan mem-

babitkan unsur kecuaihan atau khianat.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya kini masih menunggu hasil siasatan oleh JKPP yang dijangka dikeluarkan penghujung bulan depan.

Dalam insiden 1 April lalu, sebanyak 81 rumah musnah sepenuhnya dengan kerosakan struktur melebihi 40 peratus, 81 separa musnah, 57 terkesan tetapi tidak terbakar, manakala 218 rumah tidak terjejas termasuk di Kampung Tengah, Puchong.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...04 JUN 2025.....

# 'Dua isu kritikal belum selesai'

SH 4/6

PDAM gesa kerajaan tangguh subsidi bersasar RON95 sehingga dua isu dihadapi pengusaha diselesaikan

Oleh **KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**  
**SHAH ALAM**



**P**ersatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) menggesa kerajaan menangguhkan pelaksanaan subsidi bersasar petrol RON95 sehingga dua isu utama yang membebani pengusaha dapat diselesaikan sepenuhnya. Presidennya, Khairul Annuar Abdul Aziz berkata, isu tersebut merangkumi keperluan semakan semula margin di bawah Kaedah Harga Automatik (APM) dan kadar caj Diskaun Pedagang (MDR) yang dikenakan syarikat kad pembayaran.

Menurutnya, APM yang digunakan sejak tahun 2019 sudah tidak lagi mencerminkan kos

operasi semasa, sekali gus menekan pengusaha kecil dan sederhana jika Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) terus dilaksanakan tanpa pembetulan struktur kos.

"Caj MDR berdasarkan nilai jualan, manakala komisen pengusaha pula berdasarkan jumlah liter.

"Apabila harga pam meningkat, caj MDR turut meningkat tetapi komisen tidak berubah, lalu margin keuntungan kami terhakis," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2025 menegaskan bahawa pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak akan menjejaskan 85 peratus rakyat Malaysia.

Pada Jun 2024 pula subsidi bersasar bagi diesel telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan sebelum ini memaklumkan langkah itu dijangka menjimatkan antara



**KHAIRUL ANNUAR**

RM7.2 bilion hingga RM7.5 bilion setahun, hampir dua kali ganda daripada jangkaan awal.

Beliau turut memaklumkan bahawa pelaksanaan subsidi bersasar RON95 akan dilaksanakan dalam separuh kedua tahun ini dan kemungkinan menggunakan MyKad mekanisme penge-

sebagai sahan.

Dalam pada itu, Khairul Annuar mendedahkan bahawa pihaknya telah berulang kali memohon untuk mengadakan pertemuan dengan Anwar yang juga Menteri Kewangan sejak dua tahun lalu, namun masih belum diberi peluang hingga kini.

"Kami percaya hanya melalui kepimpinan langsung Perdana Menteri, penyelesaian konkrit dapat dicapai demi memastikan kelangsungan industri pengusahaan tempatan dan jaminan bekalan bahan api kepada rakyat," ujarnya.

Tambah beliau, petisyen industri yang dijalankan PDAM baru-baru ini telah memperoleh lebih 2,300 tandatangan, menunjukkan sokongan luas dalam kalangan pengusaha.



Pelaksanaan subsidi bersasar RON95 akan dilaksanakan pada separuh kedua tahun ini.

Jelasnya lagi, PDAM mewakili lebih 60 peratus stesen minyak di seluruh negara termasuk hampir 70 peratus stesen jenama utama dan buat pertama kalinya turut disertai pengusaha jenama tempatan seperti Five Petroleum, BuraqOil dan SmartStream.

"Sebagai satu-satunya persatuan yang mewakili industri ini

selama lebih 40 tahun, kami kekal komited kepada prinsip kerjasama dan keterbukaan.

"PDAM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang memperjuangkan kepentingan industri ini secara menyeluruh dan berasaskan fakta, tanpa mengelirukan orang ramai atau mempolitikkan isu sensitif," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: ..... 04 JUN 2025 .....



## KWSP catat pendapatan pelaburan RM18.31b

Turun 13 peratus berbanding RM20.99 bilion dicatatkan suku pertama pada 2024

KUALA LUMPUR

91  
4/6

**K**umpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM18.31 bilion untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2025, turun 13 peratus berbanding RM20.99 bilion yang dicatatkan untuk suku sama pada 2024.

Jumlah pendapatan pelaburan itu termasuk keuntungan *mark-to-market* sekuriti sebanyak RM1.02 bilion yang belum direalisasikan, kebanyakannya disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran asing. Selaras dengan polisi KWSP, keuntungan itu tidak akan diagihkan sebagai dividen.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP,

Ahmad Zulqarnain Onn berkata, pasaran global menjadi tidak menentu pada awal tahun 2025 berikutan ketegangan perdagangan kembali memuncak dan ketidaktentuan dasar.

Menurutnya, ketidaktentuan mengenai dasar perdagangan Amerika Syarikat (AS) telah mula memberi kesan kepada pasaran saham utama sepanjang suku walaupun pengumuman tarif dibuat pada 2 April.

"Walaupun tekanan inflasi semakin menurun di beberapa ekonomi, pelonggaran dasar monetari mengikut rantau adalah berbeza pada kadar dan masa, sekali gus menjejaskan tahap penerimaan risiko.

"Portfolio global KWSP yang pelbagai telah mengurangkan impak tersebut dan memastikan ia terus berada di landasan tepat untuk mencipta nilai jangka panjang," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sepanjang suku dalam tinjauan, ekuiti menyumbang sebanyak RM10.81 bilion, susut 23 peratus daripada RM14.02 bilion yang dicatatkan pada suku pertama 2024. Penurunan itu disebabkan prestasi lebih lemah di

pasaran ekuiti global dan persekitaran pelaburan yang mencabar.

Ekuiti terus menjadi penyumbang terbesar, merangkumi 59 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan, sementara instrumen pendapatan tetap menjadi tonggak pemeliharaan modal, menyumbang RM5.99 bilion atau 33 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan.

Daripada jumlah pendapatan pelaburan, sebanyak RM15.87 bilion telah dijana untuk simpanan konvensional, manakala RM2.44 bilion untuk simpanan shariah.

Sehingga Mac 2025, jumlah aset pelaburan KWSP telah mencecah RM1.26 trilion, dengan 38 peratus daripadanya dilaburkan di luar negara. Sepanjang tempoh tersebut, pelaburan luar negara telah menjana RM8 bilion atau 44 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan.

Pelaburan domestik, merangkumi 62 peratus daripada jumlah aset terus memberikan kestabilan pendapatan jangka panjang melalui dividen, faedah dan keuntungan daripada sukuk.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 04 JUN 2025

## Kerjasama bangun kecemerlangan TVET

HM 4/6

**London:** Malaysia menjalin kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan rakan industri antarabangsa termasuk dari United Kingdom (UK) untuk membangunkan hab pensijilan dan kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diiktiraf pada peringkat serantau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan Malaysia bukan sahaja sebagai negara yang melahirkan tenaga mahir, tetapi juga sebagai pusat rujukan latihan dan pensijilan TVET yang berwibawa bagi rantau Asean.

"Bagi memenuhi kehendak pasaran untuk Asean, kita ada Majlis TVET Asean dan akan aktifkan bukan sekadar pengiktirafan, tetapi juga kita mahu menggamit pelajar dari negara rantau itu untuk belajar di institusi TVET di Malaysia tanpa mengurangkan peluang untuk pelajar kita belajar di institusi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian



AHMAD Zahid (dua dari kanan) ketika menyampaikan ucapan umum berkaitan TVET di University College London (UCL), London.

selepas menyampaikan ucapan umum berkaitan TVET di University College London (UCL) di sini, kelmarin, yang dihadiri penerangan dan pelajar di institusi berkenaan.

Ahmad Zahid berkata, bagi tujuan itu, beliau sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa menteri negara Asean yang bertanggungjawab dalam bidang guna tenaga dan pekerjaan bagi kerjasama serantau dalam pembangunan TVET.

Terdahulu, Ahmad Zahid

yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara dalam ucapannya berkata, Malaysia bersedia menjadi platform global dalam melahirkan bakat TVET bertaraf dunia dan bersedia untuk pasaran industri.

"Kita sedia memimpin, tetapi kita sedar kita tidak boleh melakukannya berseendirian. Kita akan mencapainya melalui kerjasama erat dengan Asean, rakan global serta warga Malaysia di luar negara yang berkongsi visi membina generasi yang mahir, ber-

daya saing dan bersedia menghadapi masa depan," katanya.

Beliau turut berkongsi pada tahun lalu, kemasukan pelajar ke institusi TVET melonjak kepada 436,285 orang dengan 53.5 peratus pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih TVET.

Jumlah itu, katanya, menggambarkan satu tanda positif perubahan persepsi rakyat terhadap TVET, yang kini tidak lagi dianggap sebagai pilihan kedua.

HARIAN METRO  
Tarikh: 04 JUN 2025



ANTARA barang pelupusan kes membabitkan tempoh 2004 hingga tahun lalu di IPD Subang Jaya.

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**IPD SUBANG JAYA MUSNAH RAMPASAN**

HM 4/6

**Subang Jaya**

# Lupus barang kes **RM1.45j**

**P**olis memusnahkan barangan kes bernilai lebih RM1.45 juta semalam termasuk mesin bitcoin, peranti perjudian, rokok dan minuman keras tanpa cukai.

Timbalan Ketua Polis Daerah Subang Jaya Superintendan Mohd Fairus Jaafar berkata, semua barang kes itu adalah hasil daripada 525 kertas siasatan jenayah dan 110 kertas siasatan jenayah komersial bagi tempoh 2004 hingga

tahun lalu yang sudah diselesaikan melalui pendakwaan.

"Barang kes yang dimusnahkan meliputi barang rampasan dalam Op Dadu membabitkan 548 set komputer, komputer riba dan telefon bimbit dimusnahkan dengan nilai rampasan dianggarkan RM582,400.

"Turut dimusnahkan ialah 29,307 keping cakera padat video (VCD/DVD), li-

ma telefon bimbit dan empat komputer riba yang dirampas dalam kes cetak rompak dengan nilai rampasan RM214,149," katanya ketika berucap pada Majlis Pelupusan Barang Kes di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya, di sini, semalam.

Turut

hadir, Timbalan Ketua Polis Selangor Deputy Komisio-ner Mohd Zaini Abu Hassan dan Majistret Mahkamah Shah Alam Mohamad Redza Azhar Rezali.

Mohd Fairus berkata, ba-  
gi kes barangan tanpa cukai seperti minuman keras dan rokok yang dirampas

dalam Op Pusat Hiburan serta operasi kontraband, pelupusan membabitkan 650 tin minuman keras, 502 botol arak serta 293 karton rokok pelbagai jenama bernilai sebanyak RM362,911.

Menurutnya, bagi Op Elektrik yang berkaitan kegiatan perlombongan bitcoin secara haram, sebanyak 635 mesin bitcoin di-  
musnahkan dengan angga-

ran nilai RM286,200.

"Pemusnahkan dijalankan mengikut peraturan yang ditetapkan mengikut Kanun Prosedur Jenayah dan Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN D207).

"Jumlah keseluruhan pelupusan barang kes dianggarkan RM1,445,649 dan dilupuskan melalui kaedah pelupusan e-waste serta jualan sisa besi dan pepejal," katanya.

**Sebanyak 635 mesin bitcoin dimusnahkan dengan anggaran nilai RM286,200**

**HARIAN METRO**  
Tarikh: **04 JUN 2025**.....

**Shah Alam:** Kerajaan negeri menunggu maklum balas serta pandangan pelbagai pihak termasuk pengusaha perniagaan rokok elektronik sebelum pelaksanaan larangan penjualan rokok berkenaan di Selangor.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia bagi memastikan keputusan yang bakal dibuat kerajaan negeri tidak membebankan pengusaha dan pekerja disamping tidak mengetepikan kepentingan kesihatan awam.

"Pengusaha ini mereka juga ada pekerja dan sebagainya, tapi macam yang saya sebut keutamaan kita adalah kesihatan awam dan kepada masyarakat terutamanya gene-

## LARANGAN JUALAN ROKOK ELEKTRONIK DI SELANGOR

### Tunggu maklum balas pelbagai pihak sebelum laksana

HM  
4/6

rasi muda.

"Kami bimbang ada kesan lain seperti penyalahgunaan *mushroom* ataupun ganja dikesan dalam rokok berkenaan walaupun jumlahnya agak kecil.

"Justeru, satu kawalan akan dilaksanakan dan pihak Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaludin menyiapkan kertas kerja dan meneliti

kerta terbabit," katanya pada Majlis Penyerahan E-Bike kepada Polis Selangor di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, di sini, semalam.

Sebanyak 10 motosikal elektrik (e-bike) disumbangkan kepada Polis Selangor sebagai inisiatif memudahkan pasukan itu mengawal keselamatan terutama dalam mencegah jenayah.

HARIAN METRO  
Tarikh: 04 JUN 2025

## Siasatan teknikal lengkap menjelang 26 Jun ini

HM 4/b

**Shah Alam:** Siasatan teknikal berhubung insiden letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya akan dilengkapkan menjelang 26 Jun ini.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, siasatan itu akan digabungkan bersama siasatan jenayah bagi memastikan hasil siasatan yang holistik sebelum dibentangkan secara umum.

"Siasatan teknikal sedang dilakukan dalam rangka masa yang diberikan iaitu 26 Jun ini akan siap.

"Siasatan jenayah tidak boleh kita keluarkan sekarang kerana kita kena cantumkan sekali dengan siasatan teknikal berikutan masih ada ruang yang dikenalpasti dari siasatan jenayah.

"Terutamanya dalam mengenalpasti tentang keutuhan paip, pergerakan tanah, adakah aktiviti di luar itu memberi tekanan, itu semua skop siasatan di bawah teknikal Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyerahan E-Bike kepada Polis Selangor di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Datuk Saipolyazan M Yusop.

HARIAN METRO  
Tarikh: ...04 JUN 2025...

Oleh Nur Alif Hazmi  
Suffian  
am@hmetro.com.my

### Subang Jaya

**"S**emua musnah, sekarang kami perlu mula daripada awal."

Itu luahan Mohd Radzi Mohd Rashid, 43, pengusaha bas sekolah yang kehilangan bukan sahaja rumah malah sumber rezeki selepas kejadian kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, di sini, 1 April lalu.

Mohd Radzi berkata, rumahnya, termasuk 15 unit rumah sewa dimiliki keluarganya dan semua kenderaan termasuk bas, van serta motosikal, musnah dalam kebakaran yang disifatkannya sebagai titik hitam dalam hidup mereka.

"Saya alami melecur 30 peratus, masuk hospital seminggu. Bukan saya seorang saja, anak saudara dan mak saya juga dirawat di hospital."

"Ketika agihan bantuan awal di Pusat Pemindahan Sementara (PPS), kami tidak dapat apa-apa kerana tidak berada di sana," katanya dihubungi, semalam.

Menurut Mohd Radzi, dia bukan sahaja hilang tempat tinggal malah terpaksa menggantung perniagaan pengangkutan yang diusahakan sejak lebih 25 tahun.

"Sebelum ini, saya ada empat van, tiga bas sekolah. Pekerja saya semua ahli keluarga, adik-adik dan ipar. Sekarang semuanya terhenti. Saya terpaksa kerja separuh masa kerana perlu menyara hidup, bayar sewa rumah baru dan pelbagai lagi," katanya.

Mohd Radzi yang kini menyewa di kampung sama berkata, bantuan sewa rumah hanya akan diterima setakat tiga bulan sa-



BAS dan van Mohd Radzi yang musnah dalam kejadian kebakaran saluran paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu.

## LETUPAN GAS PUTRA HEIGHTS

# 'Sukar tapi hidup tetap diteruskan'

haja, manakala bulan seterusnya masih belum ada maklumat.

"Kalau tidak dapat (bantuan), saya tetap kena teruskan hidup. Takkan nak mengemis. Ini pesanan arwah ayah saya, usaha selagi mampu," katanya.

Menurut Mohd Radzi, kerugian dialaminya termasuk kehilangan

pendapatan lebih RM7,000 sebulan apabila syarikatnya tidak

lagi mampu beroperasi seperti biasa.

"Bukan saya saja malah pekerja juga hilang sumber pendapatan. Kami semua ini

**Mangsa dakwa bantuan sewa rumah hanya akan diterima setakat tiga bulan**

keluarga. Bukan mudah untuk mulakan semula kehidupan serta perniagaan.

"Bagi pihak berkaitan, jika mahu bantu, bantulah dengan betul. Jangan janjikan bulan dan bintang, sebut di media macam-macam namun apabila sampai ke tangan kami, kosong (tidak sepadan dengan janji)," katanya.

Sementara itu, seorang lagi mangsa, Tajul Ariffin Miskun, 46, yang bekerja sebagai pengawal keselamatan, turut berdepan kesukaran selepas rumah disewanya musnah dalam kejadian terbabit.

"Semua barangan milik saya di rumah itu turut hangus. Kini, saya menyewa di rumah kedai, syukur kerana ada kenalan yang bantu," katanya.

Menurut Tajul, dia terpaksa membeli semula hampir semua barangan asas kerana tiada satu pun dapat diselamatkan.

"Pakaian dan barangan kegunaan harian juga perlu dibeli. Bukan murah, mahal juga. Namun kerana ia keperluan, saya perlu beli walaupun tidak setanding dengan yang lama," katanya.

Bagaimanapun, Tajul bersyukur kerana sedikit bantuan yang diterima membolehkannya menyediakan keperluan asas buat sementara waktu.

"Alhamdulillah, adalah bantuan yang boleh tampung keperluan sekarang. Tetapi kehidupan tetap tidak sama. Jika mahu kembali seperti dulu, perlu ambil masa," katanya.

Pada kejadian terbabit, lebih 80 rumah musnah sepenuhnya, manakala ratusan kediaman lain terkesan.

Api daripada saluran paip gas yang menjulang lebih 30 meter mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadam sepenuhnya.

HM  
4/6

HAKIAN METRO  
Tarikh: ...04...JUN 2025...

## Larangan jual rokok elektronik

# Selangor tunggu maklum balas semua pihak

Shah Alam: Kerajaan negeri menunggu maklum balas pelbagai pihak termasuk peniaga rokok elektronik sebelum pelaksanaan larangan jualan di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata ini bagi memastikan keputusan yang dibuat tidak membebankan pengusaha dan pekerja, di samping tidak mengetepikan kepentingan kesihatan awam.

"Pengusaha ini mereka juga ada pekerja dan sebagainya tapi macam yang saya sebut, keutamaan kita ialah kesihatan awam dan juga kepada masyarakat terutamanya generasi muda.

"Kita bimbang ada kesan-kesan lain seperti penyalahgunaan *mushroom* ataupun ganja dikesan dalam rokok berkenaan walaupun jumlahnya agak kecil.

"Justeru, satu kawalan akan dilaksanakan dan EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaludin sedang menyiapkan kertas kerja dan meneliti kertas itu," katanya pada Majlis Penyerahan E-Bike kepada Polis Selangor di sini, semalam.

Beliau berkata, semua pandangan membabitkan isu berkenaan akan dimuktamadkan bagi memastikan pelaksanaan garis panduan bersifat menyeluruh.

Katanya, kerajaan negeri tidak mahu melaksanakan pengharaman penjualan rokok elektronik tanpa ada garis panduan yang jelas.

BERITA HARIAN  
Tarikh... 04 JUN 2025 .....

# Pengusaha penginapan tiada lesen jejas industri pelancongan

**MyBHA gesa kawal aktiviti STRA promosikan perniagaan tidak berdaftar di media sosial** B4  
4/6

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA) mendakwa pengusaha penginapan jangka masa pendek (STRA) yang tiada lesen terus berleluasa menjalankan aktiviti penjualan dan promosi di platform Agensi Pelancongan Dalam Talian (OTA) sehingga mengancam pemain industri berdaftar.

Sehubungan itu, Presiden MyBHA, Dr Sri Ganesh Michiel,

menggesa kerajaan segera bertindak tegas antaranya dengan mengawal selia STRA yang dilihat aktif mempromosikan perniagaan tidak berdaftar itu di media sosial.

Selain mengancam industri penginapan negara, beliau juga bimbang ia boleh menjejaskan reputasi pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Kewujudan unit STRA yang tidak berlesen dan tidak di kawal selia, termasuk apartmen, kondominium dan kediaman persendirian yang ditukar menjadi penginapan sementara mencetuskan ekonomi penginapan haram.

"Entiti ini beroperasi di luar rangka kerja undang-undang, tidak membayar lesen atau cukai, tidak terikat dengan aspek keselamatan serta menjejaskan pemain industri pelancongan sah yang telah banyak melabur bagi mematuhi undang-undang serta peraturan sedia ada.

"Pengusaha STRA tidak berlesen ini sedang menghakis krediti

dan kelestarian ekosistem pelancongan Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

## Tiada pemantauan

Ganesh Michiel mendakwa ketiadaan pemantauan yang berkesan terhadap kegiatan itu mengakibatkan pelbagai masalah, termasuk risiko keselamatan kepada pelancong, akibat kegagalan pengusaha penginapan tidak berdaftar itu dalam me-

matuhi peraturan keselamatan kebakaran dan kesihatan.

Selain itu, beliau mendakwa kewujudan STRA mencetuskan gangguan terhadap komuniti kediaman akibat penginapan sementara yang tidak dikawal.

"STRA juga mengakibatkan kehilangan hasil cukai kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Persekutuan. Ia turut boleh mencetuskan penyelewengan harga pasaran yang

merugikan pengusaha hotel yang sah.

"Kita juga bimbang STR membiarkan pelancong terduduh kepada penipuan dan promosi yang tidak selamat kerana mempunyai perlindungan pengguna yang lemah," katanya.

Bagi menangani isu tersebut, beliau turut menyaran penubuhan satu jawatankuasa khas dianggotai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) bersama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk segera memperkenalkan serta menguatkuasakan undang-undang bagi pengoperasian STRA.

Beliau mencadangkan PE diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang secara konsisten tanpa menjejaskan perniagaan hotel berlesen.

"Jawatankuasa itu disarakan untuk menetapkan standard operasi dan keselamatan minimum bagi semua penyed penginapan," katanya.

Entiti ini beroperasi di luar rangka kerja undang-undang, tidak membayar lesen atau cukai, tidak terikat dengan aspek keselamatan serta menjejaskan pemain industri pelancongan sah yang telah banyak melabur bagi mematuhi undang-undang



Sri Ganesh Michiel,  
Presiden MyBHA

BERITA HARIAN  
04 JUN 2025  
Tarikh.....

# Vape RM1 perangkap remaja ketagih dadah

BH  
4/6

Pengedaran rokok elektronik dicampur bahan berbahaya mudah diperolehi kerana dijual tanpa kawalan

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Pandang:** Hanya dengan RM1, remaja kini boleh mendapatkan satu titis vape yang dibungkus mengandungi bahan terlarang, sekali gus merajut mereka ke arah penagihan dadah.

Pengerusi Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Kedah, Datuk Dr Zulkifly Mohamad, berkata trend itu sangat membimbangkan dan kian menular dalam kalangan pelajar sekolah.

"Sekarang dengan RM1 pun sudah boleh dapat satu titis vape dan ada vape yang dicampur bahan terlarang.

"Kegiatan ini sukar dikesan tetapi apabila sudah rosakkan saraf otak anak kita, masa itu sudah terlambat," katanya selepas menyerahkan sumbangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Sungai Rambai, di sini semalam.

Zulkifly berkata, bahan terlarang dalam vape ini memberi kesan terus kepada sistem saraf dan otak menyebabkan kerosakan kekal yang sukar dipulihkan, berbeza dadah konvensional yang masih boleh dirawat jika dikesan awal.

Katanya, pengedaran vape di-



Zulkifly (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) di Sungai Rambai, Pandang, semalam.  
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

campur bahan berbahaya kini mudah diperolehi remaja kerana dijual tanpa kawalan, malah sering dipasarkan dalam bentuk titisan yang sukar dikesan.

"Jadi, ibu bapa dan guru perlu lebih peka terhadap perubahan tingkah laku anak, terutama jika mula menunjukkan kelainan seperti murung, agresif atau sering menyendiri," katanya.

#### Kaji semula undang-undang

Sementara itu, Zulkifly menyarankan undang-undang berkaitan vape dikaji semula, terutama membabitkan produk dicampur dadah supaya pengedar dan penjual dapat dihadapkan ke muka

pengadilan dengan lebih tegas.

"Ini bukan soal rokok elektronik biasa, sebaliknya vape dicampur dadah seperti syabu dan 'mushroom' yang merosakkan otak anak kita dalam diam.

"Jadi, perlu ada undang-undang lebih kukuh supaya tindakan boleh diambil terhadap pengedar," katanya.

Zulkifly berkata, MCPF Kedah kini bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) melaksanakan kajian menyeluruh di Pandang selepas merekodkan masalah dadah tinggi di negara ini.

"Pandang dipilih jadi model pentarik kerana kesnya tinggi. Ka-

jian ini bantu kumpul data tepat mengenai pembabitkan keluarga dan remaja dalam dadah, ketum, vape serta gejala sosial lain.

"Usaha ini menunggu peruntukan yang sedang diusahakan menerusi MCPF dan beberapa kementerian berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Katanya, pendekatan kali ini bukan sekadar memberi ceramah umum, tetapi intervensi secara bersasar kepada kumpulan kecil yang berisiko tinggi.

"Kita akan kenal pasti 20 hingga 30 individu yang boleh dibantu secara dekat, beri bimbingan dan nasihat," katanya.

## Kes letupan saluran gas di Putra Heights

# Laporan lengkap dijangka siap 26 Jun

BN 4/6

**Shah Alam:** Laporan teknikal berhubung letupan saluran dan kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya pada 1 April, dijangka akan dilengkapkan pada 26 Jun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata laporan siasatan itu juga akan diselaraskan dengan hasil siasatan jenayah, sebelum dimaklumkan kepada umum.

"Siasatan jenayah kita tak boleh keluaran sekarang kerana kita kena cantumkan sekali dengan siasatan teknikal kerana masih ada ruang yang perlu dikenal pasti daripada siasatan jenayah," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan E-Bike kepada Polis Selangor di sini semalam.

Beliau berkata siasatan teknikal di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pula meliputi keutuhan paip, pergerakan tanah, selain menentukan sama ada sebarang

aktiviti di kawasan itu memberi tekanan kepada saluran gas.

Pada 27 Mei, Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, berkata laporan siasatan polis serta JKKP berhubung kebakaran saluran gas di Putra Heights, dijangka dikeluarkan pada hujung Jun.

Hussein berkata, siasatan oleh polis yang turut meliputi unsur kecuaihan atau khianat sudah selesai dilakukan, dan pihaknya sedang menunggu JKKP melengkapkan siasatan mereka.

Kebakaran saluran gas PETRONAS di Putra Heights pada 8.10 pagi, 1 April menyakikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk padam sepenuhnya, selain menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter di lokasi kejadian.

BERNAMA



Amirudin bersama Hussein (dua dari kanan) melihat motosikal elektrik pada Majlis Penyerahan Motosikal Elektrik (E-Bike) kepada Polis Selangor di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

BERITA HARIAN  
Tarikh..... 04 JUN 2025 .....

# 7 hartanah, satu akaun Na'imah dan keluarga dibekukan

**SPRM akan mohon semua harta dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia jika bukti cukup**

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperoleh kebenaran Mahkamah Tinggi semalam untuk membekukan tujuh hartanah dan satu akaun bank didakwa milik Toh Puan Na'imah Abdul Khalid, isteri Allahyarham Tun Daim Zainuddin dan keluarga, bernilai £132 juta (RM758.2 juta).

Antara hartanah terbabit ialah tiga kediaman mewah di London.

Siasatan SPRM mendapati harta alih dan tidak alih itu adalah perkara atau keterangan yang berhubung dengan suatu kesalahan mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azhar Abdul Hamid semalam membenarkan permohonan SPRM yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Ma-

hadi Abdul Jumaat untuk membekukan semua harta itu pada prosiding secara sebelah pihak (ex-parte).

Permohonan SPRM itu adalah mengikut Seksyen 53 AMLATFPUAA bagi siasatan mengikut Seksyen 4(1) akta sama.

Mahadi ketika dihubungi semalam mengesahkan perkara itu, berkata SPRM akan menyiasat lanjut perkara itu dan jika bukti mencukupi, akan permohonan semua hartanah dan akaun berkenaan dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

## Hartanah di London

Semua harta itu ialah sebuah bangunan komersial yang beralamat di St Mary Axe, London, telah dibeli pada Julai 2013 dengan harga £23,700,000 dan sebuah lagi beralamat di One Crown Court, 66 Cheapside London yang dibeli pada Oktober 2014 dengan harga £31,500,000.

Hartanah lain ialah tiga kediaman mewah yang mana dua daripadanya beralamat di Bryanston Square dan Bryanston Mews, London, dibeli pada 8 Januari 2021 dengan harga £37,870,000 dan sebuah lagi di Lancaster Gate, London dibeli pada 8 Januari

2021 dengan harga £31,150,000.

Turut dibekukan, dua unit kediaman bersebelahan yang beralamat di Gloucester Place, London dibeli pada 8 Januari 2021 dengan harga £8,095,000 berserta satu akaun bank.

Mahadi dalam affidavit sokongan permohonan membekukan harta itu, menyatakan hasil siasatan yang dijalankan, SPRM berpuas hati bahawa harta alih dan tak alih, iaitu berkaitan Seksyen 4(1) Akta AMLATFPUAA.

Beliau menyatakan bahawa alasan yang menyokong dapatan itu adalah siasatan terhadap harta berkenaan yang dimiliki oleh Na'imah dan keluarganya di luar negara di bawah AMLATFPUAA telah dijalankan oleh Pegawai Penyiasat SPRM.

Sebelum ini, Ketua Pengarah SPRM Tan Sri Azam Baki pada sidang media berkata, pihaknya menerima maklumat terbaru dari agensi luar berkaitan harta dan pemilikan aset bernilai tinggi Daim dan keluarga.

Susulan itu pihaknya membuka lapan kertas siasatan baharu berdasarkan maklumat berkenaan.

Azam berkata, aset berkenaan dikesan di Switzerland dan United Kingdom (UK) serta beberapa negara lain.

Setakat ini, sebanyak RM2 bilion aset dan harta milik Daim sudah dibekukan sejak kes di-siasat pada Februari 2023.



Na'imah Abdul Khalid

**BERITA HARIAN**  
Tarikh... 04 JUN 2025

## Kerajaan mahu lahirkan tenaga mahir, pusat rujukan latihan dan pensijilan serantau

BAH

4/6

**London:** Malaysia menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi pendidikan dan rakan industri antarabangsa, termasuk dari United Kingdom (UK) untuk membangunkan hab pensijilan dan kecemerlangan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang diiktiraf pada peringkat serantau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia bukan sahaja sebagai negara yang melahirkan tenaga mahir, tetapi juga sebagai pusat rujukan latihan dan pensijilan TVET yang berwibawa bagi rantau ASEAN.

"Bagi memenuhi kehendak pasaran untuk ASEAN, kita ada Majlis TVET ASEAN dan akan mengaktifkan bukan sekadar pengiktirafan, tetapi juga kita mahu menggamit pelajar dari negara rantau itu untuk belajar di institusi TVET di Malaysia tanpa mengurangkan peluang untuk pelajar kita belajar di institusi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan

umum berkaitan TVET di University College London (UCL), di sini, dihadiri pensyarah kanan dan pelajar di institusi berkenaan.

Ahmad Zahid berkata, bagi tujuan berkenaan, beliau sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa menteri negara ASEAN yang bertanggungjawab dalam bidang guna tenaga dan pekerjaan bagi kerjasama serantau dalam pembangunan TVET.

Terdahulu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara dalam ucapannya berkata, Malaysia bersedia menjadi platform global dalam melahirkan bakat TVET bertaraf dunia dan bersedia untuk pasaran industri.

"Kita sedia memimpin, tetapi kita sedar kita tidak boleh melakukannya bersendirian. Kita akan mencapainya melalui kerjasama erat dengan ASEAN, rakan global serta warga Malaysia di luar negara yang berkongsi visi membina generasi mahir, berdaya saing dan bersedia menghadapi masa depan," katanya.

### Persepsi pada TVET berubah

Beliau turut berkongsi pada tahun lalu, kemasukan pelajar ke institusi TVET melonjak kepada 436,285 orang dengan 53.5 peratus lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memilih TVET.

Jumlah itu katanya, menggambarkan satu petanda positif perubahan persepsi rakyat terhadap TVET yang kini tidak lagi dianggap sebagai pilihan kedua.

Ahmad Zahid berkata, Malaysia akan menjadi tuan rumah



Ahmad Zahid bersama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK dan Ireland Utara, Datuk Zakri Jaafar (tiga dari kiri), Asyraf Wajdi serta pelajar Malaysia pada Majlis Makan Malam Bersama Pelajar Tajaan MARA di UK, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Dialog Dasar Serantau Majlis TVET ASEAN ke-4 yang bertemakan "TVET untuk Kemajuan Luar Bandar dan Serantau" pada bulan ini, bersempena dengan Hari TVET Kebangsaan 2025.

Pada dialog berkenaan, delegasi dari ASEAN, Australia dan Jerman akan membincangkan peranan TVET dalam mendorong pertumbuhan inklusif, memperkasa belia dan memajukan komuniti luar bandar serta pertukaran inovasi, kerjasama industri dan transformasi negara.

Kelmarin Ahmad Zahid juga mengadakan pertemuan dengan Menteri Alam Sekitar, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar United Kingdom (UK), Steve Reed untuk membincangkan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan UK.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, antara yang dibincangkan dalam pertemuan itu ialah pengurusan bencana dan air bersih serta keperluan teknologi baharu dalam meningkatkan kesi-

apsiagaan negara terhadap perubahan iklim dunia.

"Seperti kita tahu di sini (UK), pencemaran sungai menjadi sejarah tetapi di negara kita masih lagi berlaku. Kesedaran awam mengenainya mesti ditingkatkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam Bersama Pelajar Tajaan MARA di UK.

Turut hadir Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan kira-kira 60 pelajar tajaan MARA. BERNAMA

BERITA HARIAN  
Tarikh... 04 JUN 2025.....

# Tangguh dahulu laksana sistem kawalan petrol subsidi

UM  
4/4

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu menangguhkan pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Subsidi (SKPS) sehingga dua isu kritikal membabitkannya diselesaikan.

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM), Datuk Khairul Annuar Abdul Aziz berkata, dua isu tersebut melibatkan margin di bawah mekanisme harga automatik (APM) dan kadar caj diskaun pedagang (MDR) yang dikenakan syarikat kad pembayaran.

Katanya, margin APM sejak 2019 tidak mencerminkan kos semasa menyebabkan pengusaha kecil dan sederhana berdepan kerugian sejak hari pertama pelaksanaan SKPS.

"Selain itu kerajaan perlu melihat kepada isu MDR berdasarkan nilai jualan dan komisen pengusaha berdasarkan liter.

"Peningkatan harga pam akan meningkatkan MDR, tetapi tidak meningkatkan komisen sehingga menghakis margin pengusaha," katanya dalam kenyataan semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2025 menegaskan, pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak akan menjejaskan 85 peratus rakyat Malaysia.

Dalam pada itu, Khairul Annuar berharap, pihaknya dapat mengadakan pertemuan dengan Anwar selepas usaha untuk berbuat demikian gagal sejak dua tahun lalu.

"Kami percaya hanya melalui kepimpinan langsung Perdana Menteri, penyelesaian konkrit dapat dicapai demi memastikan kelangsungan industri pengusaha tempatan dan jaminan bekalan bahan api kepada rakyat," katanya.

Menurut Khairul Annuar, PDAM mewakili suara lebih 60 peratus stesen minyak di seluruh negara.

"PDAM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak memperjuangkan kepentingan industri ini secara menyeluruh dan berasaskan fakta," katanya.

UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh: 04 JUN 2025

# KWSP catat pendapatan pelaburan RM18.13b pada suku pertama

UM  
9/6

Dari muka 1

Selaras dengan polisi KWSP, keuntungan itu tidak akan diagihkan sebagai dividen.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, pasaran global menjadi tidak menentu pada awal 2025, berikutan ketegangan perdagangan yang kembali memuncak dan ketidakpastian dasar.

Katanya, walaupun penguaman tarif dibuat oleh pentadbiran Amerika Syarikat (AS) pada 2 April, ketidakpastian mengenai dasar perdagangan AS telah mula memberi kesan kepada pasaran saham utama sepanjang suku dilaporkan.

"Walaupun tekanan inflasi semakin menurun di beberapa ekonomi, pelanggaran dasar monetari mengikut rantau adalah berbeza pada kadar dan masa, sekali gus menjejaskan tahap penerimaan risiko.

"Portfolio global KWSP yang pelbagai telah mengurangkan impak tersebut dan memastikan ia terus berada di landasan yang tepat untuk mencipta nilai jangka panjang," katanya dalam kenyataan.

KWSP berkata, dalam suku dikaji, ekuiti menyumbang sebanyak RM10.81 bilion, susut 23 peratus daripada RM14.02 bilion pada suku pertama 2024.

Jelasnya, penurunan disebabkan prestasi yang lebih lemah di pasaran ekuiti global dan persekitaran pelaburan yang mencabar dan kelas aset itu terus menjadi penyumbang terbesar, merangkumi 59 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan dana pencen itu.

"Instrumen pendapatan tetap terus menjadi tonggak pemeliharaan modal, menyumbang sebanyak RM5.99 bilion atau 33 peratus daripada jumlah



AHMAD ZULQARNAIN ONN

lah pendapatan pelaburan.

"Instrumen pendapatan tetap merangkumi sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon sama taraf, kekal memenuhi dua mandatnya iaitu memberikan pulangan yang stabil dan mengimbangkan turun naik pasaran ekuiti. Ini menunjukkan kepentingan strategiknya dalam melindungi simpanan ahli sepanjang kitaran pasaran.

"Hartanah dan infrastruktur mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.08 bilion pada suku pertama 2025, manakala instrumen pasaran wang menjana sebanyak RM0.43 bilion, selaras dengan jangkaan pulangan untuk kelas aset ini," ujarnya.

Dana persaraan itu berkata, daripada jumlah pendapatan pelaburan, sebanyak RM15.87 bilion telah dijana untuk simpanan konvensional, manakala RM2.44 bilion untuk simpanan syariah.

"Sehingga Mac 2025, jumlah aset pelaburan KWSP mencecah RM1.26 trilion, dengan 38

peratus daripadanya dilaburkan di luar negara. Sepanjang tempoh tersebut, pelaburan luar negara telah menjana RM8 bilion atau 44 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan.

"Pelaburan domestik KWSP merangkumi 62 peratus daripada jumlah aset, terus memberikan kestabilan pendapatan jangka panjang melalui dividen, faedah dan keuntungan daripada sukuk," jelasnya.

KWSP kekal komited menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan terus melabur lebih 70 peratus daripada peruntukan tahunannya dalam pasaran domestik.

Dalam tempoh dikaji, KWSP telah mendaftarkan 140,111 ahli baharu, menjadikan jumlah keseluruhan keahlian meningkat kepada 16.3 juta.

"Daripada jumlah ini, 8.88 juta adalah ahli aktif, mewakili 51.3 peratus daripada 17.31 juta tenaga buruh. Nisbah ahli aktif kepada tidak aktif kekal stabil pada 54:46 pada suku pertama 2025.

"Pendaftaran majikan baharu berjumlah 19,600 pada suku pertama 2025, menjadikan jumlah keseluruhan majikan aktif berdaftar dengan KWSP meningkat kepada 616,558," katanya.

Tambahnya, jumlah caruman pula meningkat sebanyak 15.1 peratus kepada RM33.54 bilion, berbanding RM29.13 bilion suku pertama 2024, manakala jumlah caruman sukarela meningkat 62 peratus kepada RM7.02 bilion, berbanding RM4.33 bilion dicatatkan tahun sebelumnya.

Bilangan ahli formal yang mencarum melebihi kadar berkanun adalah sebanyak 10,990 pada suku tersebut, berbanding 6,771 tempoh yang sama tahun lalu.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 04 JUN 2025.....

# 72 peratus veteran sertai program Perhebat dapat kerja

Oleh AIMAN ALI  
aiman.ali@mediamula.com.my

**SUNGAI BULOH:** Sebanyak 72 peratus daripada 6,891 veteran yang tamat latihan program latihan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (Perhebat) pada 2023 berjaya mendapat pekerjaan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pencapaian ini menyaksikan satu peningkatan berbanding 60 peratus yang direkodkan pada tahun lalu.

"Daripada jumlah tersebut, 65.4 peratus telah menjadi usahawan atau bekerja sendiri, manakala 34.6 peratus pula bekerja dengan di bawah majikan.

"Meskipun pencapaian ini memberangsangkan, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan dan pemantapan yang perlu kita usahakan," katanya pada Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia dan Sijil Perhebat di Kem Sungai Buloh, semalam.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan Perhebat perlu menyelidik lebih teliti dan mendalam faktor-faktor yang menyebabkan kira-kira 28 peratus daripada veteran yang terlibat masih belum mendapat pekerjaan.

"Ini bermakna, kita mesti sentiasa terbuka untuk menyemak kandungan latihan, pendekatan yang digunakan serta proses latihan peralihan ini dilakukan, mesti mengikut corak pasaran semasa. Ia mesti bersifat terkini dan tidak lapuk.

"Kita mesti berlapang dada dan sentiasa bersikap terbuka untuk menerima hakikat bahawa masih banyak ruang penambahbaikan dan pemantapan yang perlu kita



**MOHAMED Khaled Nordin bersama para penerima diploma dan sijil pada Majlis Penganugerahan Diploma Kemahiran Malaysia dan Sijil Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) di Kem Sungai Buloh, semalam. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI**

usahakan demi memperluas manfaat Perhebat kepada warga veteran kita," katanya.

Dalam masa sama, Mohamed Khaled berkata, seramai 3,473 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menamatkan program Latihan Peralihan di seluruh Malaysia.

Selain itu katanya, seramai 514 anggota dan veteran ATM dianugerahkan Diploma Kemahiran Malaysia menerusi inisiatif Program Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL).

Beliau berkata, Kementerian komited memperkasa Perhebat

sebagai penghubung kerjaya kedua veteran, selari dengan Kertas Putih Pertahanan (KPP).

Jelasnya, ia memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan dan sosioekonomi Bakal Pesara dan Veteran ATM melalui tiga fokus utama ke arah pemerkasaan Perhebat.

"Perhebat mesti menjadi institusi yang membantu membangunkan kelangsungan kesejahteraan anggota dan veteran ATM. Dalam usahanya menyediakan latihan dan mengendalikan proses peralihan, Perhebat mesti

bergerak dengan cara memas-tikan para veteran ATM dapat hidup secara berdikari, sejahtera dan produktif melalui latihan peralihan yang mantap.

"Kedua, memperhebat hubungan dengan industri dan pasaran pekerjaan. Kehadiran Perhebat dalam pasaran kerja bukan sahaja membantu institusi ini menjadi lebih dinamik dan berkesan, malah turut membuka banyak ruang pepadanan kemahiran dan pekerjaan berkualiti kepada anggota yang sedang menjalani fasa peralihan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 04 JUN 2025.....

# New suicide content guidelines apply to all

NST 9/6

**PETALING JAYA:** The newly launched Guidelines for Reporting and Sharing of Suicide-Related Content apply not only to traditional newsrooms but also to influencers, content creators and everyday users.

Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (CMCF) chief operating officer Mediha Mahmood expressed hope that awareness and advocacy of the guidelines will extend beyond the forum's members.

"The best form of advocacy is education," she said at the launch event.

"Many assume compliance comes from punishment, but it's far more effective to get people genuinely invested in the guidelines — and that starts with understanding them."

She emphasised CMCF's col-

laborative approach: "We want people to follow them out of conscience, not compulsion."

Mediha said CMCF aims to expand its outreach efforts to include podcasters, recognising the growing influence of such platforms.

"Our immediate priority is to engage broadcasters and content creators, but we also hope to extend our workshops to podcasters and other emerging voices."

The guidelines were launched by Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil, and were developed through a collaborative, multi-stakeholder process.

This involved the Communications Ministry, Health Ministry, the National Centre of Excellence for Mental Health, health professionals, media practitioners, civil society, technology platforms, and individuals with lived expe-



Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil (third from left) launching the Suicide Content Guidelines in Petaling Jaya yesterday. Looking on are Communications and Multimedia Content Forum of Malaysia (CMCF) chief operating officer Mediha Mahmood (second from left) and CMCF chairman Rafiq Razali (third from right). BERNAMA PIC

rience of suicidal ideation or attempts.

Mediha said the initiative was inspired by the Health Ministry's 2011 Guidelines for Media Reporting on Suicide, but acknowledged that an evolving media landscape necessitated an updated framework.

"Whether you're a content creator, influencer, filmmaker, or someone giving an interview,

these guidelines offer useful direction. We will also be collaborating with the Health Ministry to support dissemination and provide training."

Mediha also welcomed the upcoming Malaysian Media Council, saying it would complement and reinforce the guidelines.

"Our hope is that these guidelines can be standardised across all media platforms. And they're

adaptable."

The framework promotes responsible language use, the avoidance of graphic imagery and sensational headlines, and the inclusion of mental health resources.

It also emphasises the importance of the "Papageno Effect" — highlighting recovery and help-seeking behaviours to reduce suicidal ideation.

NEW STRAITS TIMES  
04 JUN 2025  
Tarikh: .....

PUTRA HEIGHTS BLAST

# Technical investigation report to be ready by June 26, says MB

NST 4/6

**SHAH ALAM:** The technical investigation report on the Putra Heights gas pipeline explosion is expected to be completed by June 26, said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

He said findings of the criminal investigation could not be disclosed yet as they must be consolidated with the technical findings before they were made public.

"Certain aspects (of the inci-

dent) require identification and verification under the criminal probe."

He said this included evaluating the structural integrity of the pipeline, potential soil movement and whether external activities might have contributed to the incident.

"All these matters fall under the scope of the investigation led by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH)," he

said after handing over electric bicycles to the Selangor police headquarters.

Present was Selangor police chief Datuk Hussein Omar Khan.

On Monday, Hussein said the cause of the explosion would be confirmed after police and DOSH completed their investigations.

He said police would conduct excavation works at the site to verify the excavator's position once samples had been collected

for the DOSH investigation and Petronas had completed its pipeline repair works.

On April 1, a gas pipeline explosion caused a 30m-high inferno. The massive fire could be seen several kilometres away, with temperatures said to have reached 1,000°C.

The intense heat from the fire melted plastic and metal across a wide radius, damaging many properties.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 04 JUN 2025.....

# Zahid: Malaysia aims to be Asean's TVET certification hub

**LONDON:** Malaysia is forging strategic partnerships with international educational institutions and industry players, including those from the United Kingdom.

This is to develop a regionally recognised certification and centre of excellence for Technical and Vocational Education and Training (TVET), said Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

He said the government aims not only to produce skilled workers but also to position Malaysia as a credible TVET training and certification reference centre for the Asean region.

"To meet the demands of the Asean market, we have the Asean

TVET Council, which we will activate not only for recognition purposes, but also to attract students from Asean countries to pursue their studies at TVET institutions in Malaysia, without compromising opportunities for Malaysian students."

He said this after delivering a keynote address on TVET at University College London (UCL) here on Monday, which was attended by senior lecturers and students from the institution.

Meanwhile, Zahid added that he had engaged in discussions with several Asean ministers responsible for employment and regional cooperation on TVET development.



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sharing his insights at the Technical and Vocational Education and Training (TVET) Forum titled 'Malaysia's TVET Leadership in Asean: Building Skills for a Shared Future' at University College London (UCL). With him is moderator and UCL Professor of Facility Management Innovation Michael Pitt. BERNAMA PIC

Zahid, who is also the chairman of the National TVET Committee, in his speech, said that Malaysia is prepared to become a global platform for producing world-class TVET talent, equipped to

meet the demands of the industrial market.

"We are ready to lead, but we recognise that we cannot do it alone.

"We will achieve this through

close collaboration with Asean global partners, and Malaysians abroad who share the vision of building a skilled, competitive generation ready to face the future," he said. **Bernama**

# EPF: Investment income of RM18.31b SUN 4/6 in first quarter



**PETALING JAYA:** The Employees Provident Fund (EPF) recorded a total investment income of RM18.31 billion for the first quarter ended March 31, 2025 (Q1'25), a 13% decline from RM20.99 billion in the corresponding period in 2024.

The total investment income includes RM1.02 billion mark-to-market gains on securities that have not been realised, due to foreign exchange rate fluctuations. In line with the EPF's policy, these gains will not be distributable as dividends.

During the quarter under review, equities contributed RM10.81 billion, a 23% decline from RM14.02 billion in Q1'24. The drop was mainly due to weaker performance across global equity markets and a challenging investment climate. The asset class continued to be the highest contributor, accounting for 59% of total investment income.

Fixed income continued to anchor capital preservation, contributing RM5.99 billion or 33% of total investment income. Fixed income, comprising Malaysian Government Securities and equivalents, loans and bonds, continues to fulfil its dual mandate of delivering stable returns and as a counter-balance to equity market fluctuations. This underscores its strategic importance in safeguarding members' savings across market cycles.

Real estate and infrastructure recorded an income of RM1.08 billion in Q1'25, while money market instruments generated RM430 million, in line with return expectations for these asset classes.

Of the total investment income, RM15.87 billion was generated for *Simpanan Konvensional*, and RM2.44 billion for *Simpanan Shariah*.

As of March 2025, the EPF's total investment assets stood at RM1.26 trillion, with 38% invested internationally. During the period, international investments generated RM8 billion or 44% of the total investment income.

The EPF's domestic investments, which account for 62% of total assets, continued to provide long-term income stability through dividends, interests and profits from sukuk.

The EPF said in a statement it remains committed to supporting Malaysia's economic growth by continuing to invest over 70% of its annual allocation in the domestic market. This reflects its role as a long-term investor and aligns with the government's Madani Economy framework. Through the GEAR-uP initiative, the EPF is focused on building investment opportunities in the healthcare sector.

EPF CEO Ahmad Zulqarnain Onn said: "In a more challenging and uncertain market environment, the EPF maintains a dynamic and well-diversified portfolio to help safeguard value and manage downside risks. We continue to actively explore investment opportunities across both domestic and international markets to strengthen our portfolio and support long-term, sustainable returns for our members."

## 514 Armed Forces personnel, veterans awarded diplomas

54N  
4/6

**SUNGAI BULOH:** A total of 514 Armed Forces personnel and veterans have been awarded the Malaysian Skills Diploma this year through the Recognition of Prior Experiential Learning (R-PEL) programme.

Defence Minister Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the R-PEL initiative was introduced by the Ex-Servicemen Affairs Corporation (Perhebat) in 2017, allowing armed forces personnel and veterans to obtain a diploma upon completing their service.

He said R-PEL is a certification programme in collaboration with the skills development department that recognises the experience, skills and achievements of veterans during their service, based on the National Occupational Skills Standard.

He said the armed forces veterans can continue to contribute to the nation through various other means.

"The development of human capital and the socio-economic wellbeing of the veterans must be treated as a strategic priority that deserves serious attention," he said at the Malaysian Skills Diploma Award Ceremony under the R-PEL programme and the Perhebat Certificate presentation at Sungai Buloh Camp yesterday.

Mohamed Khaled said Perhebat will continue to provide training, exposure and skill development as part of its efforts to assist soon-to- retire personnel, adding that this year alone, 3,473 army personnel nationwide completed transition training.

He also urged Perhebat to ensure veterans can live independently, securely and productively by providing robust and effective transition training.

"Perhebat must also enhance its engagement with the industry and job market and transform itself into a more agile, transparent and performance-driven institution," he added.

Meanwhile, the Defence Ministry, in a statement, said Mohamed Khaled is expected to witness the signing of eight memoranda and notes of understanding (NoUs) between Perhebat and industry partners today in areas such as job placement, entrepreneurship opportunities and training programmes.

The MoUs and NoUs involve Boustead Petroleum Marketing (BHPetrol), the Johor Royal Military Force, Maxis Broadband, TAB Security, Kamatech Automotive & Engineering, Hexide Engineering, AMS Caddy Academy and Nur Lembah Pangsun Eco Resort," read the statement. - Bernama

THE SUN  
04 JUN 2025

Tarikh: .....